

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BANTUAN USAHAWAN BELIA

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia beragama islam dan telah menetap di Negeri Johor dalam tempoh 5 tahun berturut-turut dari tarikh permohonan.
2. Pendapatan kasar bulanan pemohon tidak melebihi **RM4,000.00** sebulan
3. Perniagaan yang diceburi mestilah berlandaskan syariah islam dan mematuhi undang-undang pihak berkuasa dan telah **ada permis perniagaan sendiri**.
4. Telah menjalankan perniagaan bagi tempoh **setahun ke atas berdasarkan pada tarikh pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia**
5. Perniagaan mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
6. Perniagaan yang dijalankan mestilah di dalam Negeri Johor sahaja.
7. Belia Islam berumur **18 hingga 40 tahun**.
8. Dokumen sokongan yang **WAJIB** disertakan adalah berikut:
 - i. Salinan kad pengenalan pemohon yang **disahkan**.
 - ii. Salinan siji pendaftaran syarikat SSM atas nama pemohon yang **disahkan**.
 - iii. Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat.
 - iv. Salinan pendapatan atau surat akaun pendapatan yang **disahkan**.
 - v. Gambar perniagaan (Signboard dan ruang niaga).
9. **Pengesahan hanya boleh disahkan oleh Ahli Parlimen / ADUN / Penghulu sahaja**
(Ketua Kampung TIDAK boleh)
10. Permohonan melalui sistem Usahawan PIJ secara "online"
11. **PIJ berhak menolak** permohonan sekiranya **Slip Permohonan tidak dilengkapkan** sepenuhnya atau **dokumen sokongan tidak disertakan**.
12. Borang yang telah lengkap hendaklah dimajukan kepada:
**Pengurus Besar
Perbadanan Islam Johor.
Ara 6, Bangunan PERISIND,
No.8, Jalan Bukit Timbalan,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim**
13. Jika berjaya, pemohon akan diberikan bantuan sebanyak **RM2,000.00** dalam bentuk peralatan.
14. Pemohon hanya dibenarkan memohon satu sahaja program tajaan.
15. PIJ **tidak** akan memberikan bantuan ulangan.
16. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan anda tidak berjaya.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BANTUAN DIALISIS

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia beragama islam dan telah menetap di Negeri Johor dalam tempoh 5 tahun berturut-turut dari tarikh permohonan.
2. Pendapatan kasar bulanan pemohon tidak melebihi **RM4,000.00** sebulan
3. Bantuan ini hanya diberikan kepada pesakit buah pinggang yang menerima rawatan di **Hospital Kerajaan / Pusat Dialisis** yang diiktiraf kerajaan Malaysia di Negeri Johor Sahaja.
4. Dokumen sokongan yang **WAJIB** disertakan adalah berikut:
 - i. Salinan kad pengenalan pemohon yang disahkan.
 - ii. Salinan pengesahan pemasangan fistula
 - iii. Salinan pendapatan yang disahkan
5. **Pengesahan hanya boleh disahkan oleh :**

Pegawai Perubatan / Penghulu

6. Permohonan adalah melalui sistem usahawan PIJ secara "online"
7. **PIJ berhak menolak** permohonan sekiranya **Borang Permohonan tidak dilengkapkan** sepenuhnya atau **dokumen sokongan tidak disertakan**.
8. Borang yang telah lengkap hendaklah dimajukan kepada:
**Pengurus Besar
Perbadanan Islam Johor.
Ara 6, Bangunan PERISIND,
No.8, Jalan Bukit Timbalan,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim**
9. Jika berjaya, pemohon akan diberikan bantuan sebanyak **RM1,000.00** sahaja.
10. PIJ **tidak** akan memberikan bantuan ulangan kepada pemohon yang telah menerima bantuan-bantuan yang disediakan oleh PIJ.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BANTUAN MY HOME SHOP

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia beragama Islam dan telah menetap di Negeri Johor dalam tempoh 5 tahun berturut-turut dari tarikh permohonan.
2. Surirumah / surarumah yang berumur 18 tahun ke atas
3. Pendapatan kasar bulanan pemohon tidak melebihi **RM4,000.00** sebulan
4. Pemiagaan yang dijalankan mestilah di dalam Negeri Johor sahaja.
5. Dokumen sokongan yang **WAJIB** disertakan adalah seperti berikut:
 - i. Salinan kad pengenalan pemohon yang **disahkan**.
 - ii. Salinan pendapatan atau surat akuan pendapatan yang **disahkan**.
6. **Pengesahan hanya boleh disahkan oleh Ahli Parlimen / ADUN / Penghulu sahaja**

(Ketua Kampung TIDAK boleh)
7. Permohonan melalui sistem Usahawan PIJ secara "online".
8. **PIJ berhak menolak** permohonan sekiranya borang Permohonan **tidak dilengkapkan** sepenuhnya atau **dokumen sokongan tidak disertakan**.
9. Borang yang telah lengkap hendaklah dimajukan kepada:
Pengurus Besar
Perbadanan Islam Johor.
Aras 6, Bangunan PERISIND,
No.8, Jalan Bukit Timbalan,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
10. Jika berjaya, pemohon akan diberikan bantuan dalam bentuk peralatan berjumlah RM1,000.00 seorang iaitu RM750.00 untuk barangan keperluan harian dan RM250.00 untuk rak jualan.
11. Pemohon hanya dibenarkan memohon satu sahaja program tajaan.
12. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan anda tidak berjaya.
13. PIJ **tidak** akan memberikan bantuan ulangan.